

19 APR 1997

Mahathir-Pas

MAHATHIR KESAL DENGAN KENYATAAN NIK AZIZ

ALOR SETAR, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pas, yang menuduh Umno mengamalkan prinsip kebangsaan, sebenarnya lebih bersifat nasionalis malah lebih kepada kedaerahan yang sempit.

"(Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) lebih nasionalis daripada kita ... dia sebenarnya bukan sahaja nasionalis malahan parti itu lebih kepada kedaerahan ... Kelantan sahaja, cakap semua pasal Kelantan sahaja.

"Kenyataan Nik Aziz itu mencerminkan pandangan yang sempit dan ketaksuban yang melampau kepada parti. Bila kita terlampau taksub dengan kumpulan kita, kita langsung tidak boleh berfikir lagi," katanya.

Di Kota Bharu semalam, Nik Aziz dilaporkan berkata bahawa Pas tidak dapat menjalin hubungan politik dengan Umno kerana perbezaan dasar perjuangan masing-masing.

Kata Nik Aziz, Pas adalah sebuah parti berdasarkan Islam manakala Umno pula berpegang kepada prinsip kebangsaan dan perbezaan menjadi punca kepada kegagalan hubungan yang pernah dijalin antara kedua-dua parti sebelum ini.

"Nik Aziz tidak pernah nampak langsung apa yang kita buat untuk agama Islam. Apakah yang dia buat untuk agama Islam?" tanya Dr Mahathir ketika berucap semasa lawatannya ke pusat penyembelihan dan pengedaran korban di Kompleks Jihad Basmi Kemiskinan yang dibangunkan oleh Kerajaan Kedah, di Paya Pahlawan dekat sini.

Perdana Menteri menasihati Mursyidul Am Pas itu supaya tidak melemparkan tuduhan kepada Umno tetapi sebaliknya menilai kembali asas perjuangan partinya untuk menentukan sama ada dasar perjuangannya itu sebenar-benarnya berlandaskan prinsip Islam.

Katanya Islam menuntut umat supaya menjalin hubungan yang mesra dan tidak menimbulkan keadaan yang boleh memecahkan belah perpaduan sesama mereka.

"Sebelum kedatangan Islam, orang Arab terbahagi kepada beberapa kabilah dan oleh kerana terlampau kuat pegangan terhadap kabilah, bila mereka bertemu dengan anggota kabilah yang lain mereka akan berperang, membunuh tanpa mengira sebab.

"Kerana terlalu taksub mereka mesti berlawan sehingga mereka tidak boleh berfikir lagi ... tidak lagi menyoal kenapa mereka harus berperang."

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata begitulah keadaan dalam Pas yang anggotanya terlampau taksub kepada parti sehingga tidak dapat menerima pandangan pihak lain walaupun kebaikan yang dilakukan oleh parti lain.

Perdana Menteri berkata Nik Aziz hanya pandai berkata-kata tetapi tidak mengamalkan apa yang dikatakan itu. "Saya nak tanya ... apa yang dia buat untuk Islam selain daripada memecahkan orang Islam.

"Saya berasa sedih kerana sebelum adanya Pas, umat Islam di Malaysia tidak berpecah belah langsung, kita bersatu ... sebagai anggota sunnah waljamaah, satu agama, satu mazhab yang berimam Imam Shafie. Datang Pas, mereka kata orang Umno tak Islam."

Dr Mahathir berkata pada pandangannya, Pas yang sebenarnya tidak Islam kerana mengamalkan dasar yang bertentangan dengan prinsip yang dituntut oleh agama, khususnya dalam tindakan-tindakannya yang telah melemahkan perpaduan umat Islam di negara ini.

"Jangan asyik mengata Umno parti nasionalis padahal dia (Pas) pun nasionalis juga. Kalau dia bukan nasionalis apa sebabnya dia bergerak di

Malaysia sahaja.

"Pergilah ke Afghanistan, Pakistan jadi pemimpin di sana. Dunia Islam luar dari Filipina hingga ke Maghribi ... semua dunia Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata Pas harus menerima hakikat bahawa kerajaan pimpinan Umno turut melakukan kebaikan dalam meninggikan syiar Islam, contoh paling sesuai ialah Kompleks Jihad Membasmi Kemiskinan yang menunaikan tuntutan agama supaya umat Islam mengambil berat terhadap golongan yang tidak bernasib baik dan miskin.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada kerajaan Kedah yang membangunkan kompleks yang merupakan pendekatan yang positif dalam usaha membasmi kemiskinan dan membela nasib golongan yang kurang bernasib baik.

Kompleks itu diilhamkan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dalam usahanya untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat termiskin di negeri ini.

Selain pusat penyembelihan lembu, kompleks itu nanti akan dilengkapi pusat rekreasi, kawasan industri kecil dan sederhana yang menghasilkan produk yang berasaskan pertanian, industri kraftangan dan khemah ibadat.

Sebanyak 1,000 ekor lembu disembelih untuk ibadat korban di pusat penyembelihan itu sempena Aidiladha tahun ini. Perdana Menteri sendiri melakukan korban seekor lembu di pusat itu tahun ini.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir menanam sebatang pohon sentang manakala Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menanam pohon jati di kawasan pusat pengedaran itu sebelum melawat sekitar pusat penyembelihan dan pemprosesan daging.

-- BERNAMA

MFJ AHH